



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FAKULTI KEJURUTERAAN
SEKOLAH KOMPUTERAN

UHMS 1182 (PENGHAYATAN ETIKA & PERADABAN)

SEMESTER 1, 2020/2021

TUGASAN KUMPULAN

Gejala Bergosip

NAMA AHLI KUMPULAN & NO MATRIK:

Gui Yu Xuan (A20EC0039)

Huda Najihah binti Ahmad Asri (A20EC0045)

Lue Guo Ming (A20EC0073)

Marnisha binti Mustafa Kamal (A20EC0075)

Woon Zi Jian (A20EC0171)

Muhammad Azizan Adli Bin Mohd Azizi (A20EC0238)

DISERAHKAN KEPADA:

DR ANA HAZIQAH A RASHID

SKEMA PERMARKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)

KRITERIA	MARKAH
PENDAHULUAN	/2
FAKTOR-FAKTOR	/5
KESAN-KESAN	/5
KESIMPULAN	/2
RUJUKAN	/2
REFLEKSI KENDIRI	/1
LAMPIRAN	/1
MEKANISME PENULISAN	/2
JUMLAH	/20

Senarai Kandungan

A. Pengenalan.....	1
B. Faktor-Faktor.....	4
C. Kesan-Kesan.....	8
D. Kesimpulan.....	11
E. Rujukan.....	13
F. Refleksi Kendiri.....	16
F.1 Gui Yu Xuan	16
F.2 Lue Guo Ming.....	16
F.3 Marnisha binti Mustafa Kamal	17
F.4 Woon Zi Jian.....	17
F5. Huda Najihah binti Ahmad Asri	18
F6. Muhammad Azizan Adli Bin Mohd Azizi.....	18
G. Lampiran.....	19

TUGASAN KUMPULAN

A. Pengenalan

Menurut kajian yang dilakukan oleh Engelman, J. M., Herrmann, E., & Tomasello, M. (2016), kanak-kanak yang berusia lima tahun telah mempengaruhi reputasi orang lain melalui gosip prososial. Hal ini sedemikian, apabila kanak-kanak berkomunikasi dengan rakan-rakannya, mereka akan berkongsi informasi yang mereka ketahui. Sebagai contoh, semasa kanak-kanak bergaul, tidak janggal jika mereka berbual tentang pihak ketiga. Hal ini menunjukkan sejak kecil lagi, kita sudah mengetahui siapa yang boleh dipercayai, serta kita juga mula menjaga imej sendiri. Menurut Gluckman, M. (1963), gejala gosip adalah penting untuk mengekalkan norma kumpulan. Hal ini sedemikian, ahli kumpulan menggunakan bahasa sebagai amaran atau peringatan kepada ahli yang tidak mengikut peraturan. Apabila kelakuan ahli yang tidak mengikut peraturan telah disampaikan kepada ahli kumpulan lain, ahli yang tidak mengikut peraturan akan menjaga tingkah laku mereka supaya tidak lagi menjatuhkan reputasi mereka. (Enquist, M., & Leimar, O., 1993).

Walaupun bagaimanapun, gejala gosip bukan sahaja membawa kebaikan kepada masyarakat malahan juga membawa impak negatif. Menurut Foster (2004), gejala gosip dapat mempengaruhi orang lain secara negatif. Terdapat sesetengah orang yang menggunakan kesempatan ini untuk menyebarkan maklumat palsu ataupun fitnah mengenai orang lain. Hal ini sedemikian kerana mereka ingin mengubah pandangan seseorang terhadap orang lain. Hal ini membuktikan bahawa gejala gosip bukanlah satu kegiatan yang jahat jika kegiatan tersebut digunakan dengan cara yang betul.

Pada era globalisasi ini, gejala bergosip semakin berleluasa dari semasa ke semasa. Dengan kemajuan Internet, penyebaran maklumat dan informasi menjadi lebih senang dan cepat. Bergosip merupakan salah satu medium untuk berkomunikasi dan mendapatkan informasi antara satu sama lain dalam sesebuah masyarakat, tetapi gejala bergosip ini selalu menjadi asbab penyebaran informasi buruk dan palsu yang boleh menjejaskan keamanan masyarakat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan gosip didefinisikan sebagai kata-kata yang mengisahkan khabar angin, hal-hal yang buruk atau umpatan tentang orang lain. Oleh itu, kita tidak boleh

mempercayai kata-kata orang lain secara membuta tuli. Kita harus mempunyai pendirian dan pemikiran sendiri untuk mempertimbangkan kebenaran sesuatu perkara supaya kita dapat mengurangkan impak buruk gejala bergosip ini. Sebelum kita mengambil tindakan untuk menyebarkan sesuatu informasi atau berita, kita perlu berfikir secara rasional dan logik tentang kesahihan sesuatu info dan kesannya supaya kita dapat mengelakkan diri daripada tabiat negatif ini.

Menurut Abdul Ghani, S. F. (2016), persekitaran kerja yang negatif akan menghalang kejayaan seseorang. Hal ini sedemikian kerana jika seseorang berasa tidak selesa dengan tempat kerja, maka individu terbabit tidak akan mampu untuk membuat kerja mereka dengan baik. Persekitaran kerja yang negatif mampu menyebabkan seseorang berada dalam keadaan tertekan sepanjang masa. Hal ini secara tidak langsung dapat menjejaskan mental dan emosi seseorang. Menurut Ben-Ze'ev, A., & Goodman, R. F. (Eds.). (1994) pula, mereka mengatakan gejala gosip bukan aktiviti yang negatif malah merupakan sesuatu perbuatan yang menunjukkan minat terhadap kehidupan orang lain. Kita dapat berkongsi dan menukarkan pandangan dan idea melalui aktiviti bergosip. Gejala bergosip juga mampu memenuhi perasaan ingin tahu kita terhadap sesuatu perkara. Dengan aktiviti yang dilakukan melalui bergosip, kita mampu menjalin hubungan antara satu sama lain.

Daripada kajian yang telah dijalankan, kami berminat untuk mengkaji faktor-faktor dan kesan-kesan daripada gejala bergosip. Hal ini sedemikian kerana kami mendapati bahawa terdapat pelbagai kesimpulan daripada kajian yang pengkaji lain lakukan. Terdapat sesetengah pengkaji berpendapat bahawa gejala bergosip merupakan kegiatan yang baik untuk masyarakat kerana informasi dan maklumat dapat dikongsi antara satu sama lain. Akan tetapi, terdapat juga sekumpulan pengkaji yang menyatakan bahawa gejala bergosip merupakan aktiviti negatif yang harus dihapuskan kerana kegiatan tersebut menimbulkan kesan negatif kepada masyarakat. Walaubagaimanapun, terdapat juga pengkaji yang berpendapat bahawa gejala bergosip dapat membawa impak baik dan buruk tetapi terpulang kepada cara yang diguna semasa bergosip.

Kesimpulannya, hasil kajian ini akan memberi gambaran yang jelas dan maklumat yang tepat tentang faktor-faktor gejala bergosip yang semakin berleluasa dan kesan-kesan daripada

gejala bergosip. Kami juga berharap hasil kajian ini dapat memberi kesedaran kepada pembaca supaya kaedah yang diguna semasa bergosip tidak menjejaskan perasaan orang lain. Persoalannya, apakah faktor-faktor yang menyebabkan gejala bergosip hari ini? Marilah kita bincangkan kesan-kesan gejala bergosip sama ada ia membawa kesan baik atau kesan buruk.

B. Faktor-Faktor

Tidak dapat dinafikan bahawa budaya bergosip semakin hari semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat, tanpa mengira bangsa dan umur. Setiap budaya negatif yang berlaku semestinya mempunyai sebab-sebabnya tersendiri mengapa budaya tersebut menjadi norma baharu dalam era yang pesat membangun ini. Salah satu faktor yang menjadikan gejala bergosip ini semakin berleluasa ialah perasaan ingin tahu yang tinggi dalam masyarakat. Perasaan atau sikap ingin tahu manusia merupakan emosi yang dimiliki apabila mereka didorong untuk meneroka, meneliti, dan mempelajari sesuatu perkara. Perasaan ini juga dianggap sebagai mekanisme psikologi manusia yang gigih mencari maklumat dari interaksi kehidupan manusia dengan persekitarannya (Oca Restavia, 2020). Pada zaman yang dipenuhi teknologi ini, informasi dan berita dapat disebarkan dengan mudah. Hal ini mengakibatkan gejala bergosip semakin berleluasa kerana sesuatu perkara dapat dikongsikan dalam jangka masa yang sangat singkat. Setiap manusia mempunyai keinginan tersendiri untuk memaparkan kehidupannya di media sosial. Hal ini menyebabkan masyarakat yang melihatnya di media sosial tertanya-tanya mengenai perkara tersebut. Perasaan ingin tahu tidak semestinya merupakan sesuatu yang positif, malah perasaan ini juga mampu membawa kesan buruk kepada masyarakat terutamanya sewaktu leka bergosip tentang privasi orang lain. Kita harus memahami bahawa setiap orang mempunyai privasi tersendiri dan seseorang tidak mempunyai hak untuk melibatkan diri dalam urusan orang lain, ibarat menjaga tepi kain orang. Kita sewajarnya mempunyai sikap menghormati antara satu sama lain, dan memahami bahawa tidak semua perkara perlu disebarkan.

Selain itu, gejala bergosip semakin pesat berleluasa kerana sikap iri hati atau cemburu masyarakat dengan orang sekeliling. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, iri hati membawa maksud keinginan untuk menikmati, memiliki, atau mempunyai sesuatu yang dimiliki orang lain. Setiap orang mempunyai hak tersendiri untuk berbangga dengan pencapaian yang berjaya diperoleh, dan setiap orang juga mempunyai keinginan tersendiri untuk memiliki sesuatu perkara. Namun demikian, tidak semua perkara dapat diperoleh dengan mudah. Oleh sebab yang demikian, kebanyakan masyarakat mula merasa rendah diri dan terasing apabila melihat orang sekelilingnya lebih berjaya daripada mereka. Demi mengelak daripada perasaan tersisih dan tidak setaraf, segelintir masyarakat yang dengki ini akan mengambil tindakan untuk mengambil tahu urusan

orang lain, seterusnya menyebarkan dengan pantas seperti lipas kudung walaupun mereka tidak mengetahui status kesahihan informasi tersebut. Hal ini akan mendatangkan kemudaratkan dalam sesuatu hubungan kerana ia akan menjadi suatu bentuk fitnah, seterusnya memecahbelahkan masyarakat. Diriwayatkan oleh Al-Thabrani daripada Abu Hurairah, Rasulullah S.A.W bersabda, “Antara kamu, Allah paling mengasihi mereka yang mempunyai akhlak yang baik, sentiasa rendah diri, serta menyukai dan disukai orang. Manakala mereka yang amat Allah marah ialah mereka yang menyebarkan fitnah, memecahbelahkan hubungan persaudaraan, dan mencaci maki orang yang tidak bersalah.” Kita seharusnya berbangga untuk kejayaan orang lain dan tidak merendahkan mereka, sebaliknya mengambil iktibar dan tidak berputus asa. Kita sewajarnya menjadikan kejayaan seseorang itu sebagai titik permulaan untuk mencuba lebih baik, dan tidak mengamalkan gejala mengumpat kerana perkara tersebut amat memudaratkan.

Seringkali, manusia merasa tidak yakin dan ragu-ragu terhadap potensi diri sendiri disebabkan oleh stereotaip yang dilontarkan oleh masyarakat atau disebabkan oleh kekurangan diri sendiri. Telah menjadi sesuatu yang kerap dan biasa untuk seseorang merasa dirinya tidak setanding orang lain, seterusnya merasakan diri sendiri tidak layak untuk memiliki sesuatu. Gejala bergosip ini berleluasa kerana sesetengah pihak merasakan bahawa tabiat buruk ini dapat meningkatkan keyakinan diri sendiri. Melalui gejala bergosip ini, masyarakat dapat menebus kekurangan diri sendiri, seterusnya meningkatkan keyakinan melalui perhatian yang diperolehi. Hal ini demikian kerana apabila seseorang memulakan suatu gosip dan mendapat perhatian yang mengalakkan oleh orang sekeliling, mereka akan berasa seperti telah mencapai sesuatu kejayaan dan dapat tampil dengan lebih positif dan yakin. Menurut Paul Coleman (2016), melalui gosip, masyarakat akan merasa lebih baik dan yakin dengan kehidupan sendiri apabila mengatakan sesuatu yang negatif mengenai orang lain. Oleh itu, kita dapat lihat bahawa tabiat buruk ini meningkatkan keyakinan diri sendiri dengan cara merendah-rendahkan orang lain. Kita seharusnya mengelakkan diri daripada menjatuhkan orang lain demi membuat kita rasa lebih yakin dengan diri sendiri, sebaliknya kita hendaklah memotivasikan diri dan tidak membandingkan pencapaian dan perkara yang dimiliki dengan orang lain. Hal ini akan menyebabkan kita lebih bersyukur dan terhindar dari gejala bergosip.

Punca lain yang menyebabkan gejala bergosip semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat adalah keinginan untuk mendapat maklumat dengan cepat. Menurut Robert Wright (2010), informasi dan maklumat dapat diperoleh daripada orang lain melalui bergosip. Menerusi gejala bergosip ini, pengalaman seseorang boleh didapati dan secara tidak langsung dapat membantu kita mendapatkan lebih banyak maklumat dan peluang untuk mencapai sesuatu. Hal ini demikian kerana melalui gejala ini mereka akan berkongsi pengalaman mereka mengenai situasi tersebut, seterusnya memberi peluang untuk masyarakat mendapat inti pati dari perkara itu. Sebagai contoh, sekiranya seseorang bergosip tentang tempat kerja mereka, pekerja-pekerja lain dapat mengetahui pelbagai pandangan dan potensi sesebuah syarikat. Hal ini memberi peluang kepada orang ramai untuk menilai semula syarikat tersebut sebelum bekerjasama atau bekerja dalam syarikat itu. Walaupun perkara ini boleh mendatangkan kebaikan kepada sesetengah pihak kerana dapat mengembangkan sesuatu syarikat, akan tetapi ramai masyarakat tidak menyedari potensi untuk syarikat ini merosot. Hal ini kerana sewaktu bergosip, orang ramai akan mempunyai pandangan masing-masing dan menilai setiap aspek yang dicakapkan, seterusnya mampu mewujudkan keraguan tentang karakteristik syarikat itu. Tidak dinafikan, gejala bergosip ini mampu dijadikan sesuatu perkara yang positif. Walaubagaimanapun, kita sewajarnya menilai dan mempercayai hanya perkara yang sahih kerana bukan semua perkara yang dikatakan orang adalah betul.

Terdapat 1001 faktor gejala bergosip ini semakin berleluasa. Punca seterusnya mengapa tabiat ini berkembang pesat dalam kalangan masyarakat adalah kerana gejala gosip ini merupakan alat untuk mengeratkan ikatan sosial. Menurut Nabilla Tashandra (2019), bergosip dapat menambah keakraban suatu kumpulan masyarakat dan membuat mereka tidak egois. Hal ini demikian kerana sekiranya sekumpulan orang sentiasa bergosip, maka hubungan dapat dieratkan dengan mudah walaupun mereka mempunyai minat dan watak yang berlainan. Daripada kajian yang dilakukan oleh Brondino, N., Fusar-Poli, L., & Politi, P. (2017), otak akan menghasilkan hormon oksitosin ketika bergosip. Hormon oksitosin mampu menimbulkan perasaan empati dan mampu meningkatkan kepercayaan daripada orang lain. Menurut Barbuto, J. E., Wheeler, D. W. (2006), perasaan empati mampu menyebabkan seseorang untuk menghargai apa yang dihadapi oleh orang lain. Peningkatan kepercayaan daripada orang lain juga dapat menimbulkan perasaan hormat antara satu sama lain. Hal ini mampu mengeratkan hubungan antara satu sama lain kerana

masyarakat akan merasa lebih selesa apabila bersama orang yang kita mempercayai. Walaupun bergosip mampu mengeratkan hubungan, namun bergosip juga mampu menghancurkan hubungan. Oleh itu, kita perlu berjaga-jaga dengan kata-kata dan perwatakan yang dipaparkan kepada orang lain. Kita seharusnya mengelak daripada bergosip mengenai perkara-perkara yang sensitif seperti agama, bangsa, atau perkara yang membawa impak negatif seperti privasi orang lain.

C. Kesan-Kesan

Budaya ini sedikit sebanyak mengubah gaya hidup masyarakat. Mungkin orang ramai berpendapat bahawa budaya ini hanya membawa kesan buruk, tetapi jika kita melihat pada perspektif yang lain, budaya ini juga memberi kesan baik kepada masyarakat. Salah satu kesan baiknya adalah dapat mengenal pasti jenayah. Hal ini boleh dilihat melalui kes Abdul Qayyum Jumadi, pengasas *EnglishJer* yang mencabul lebih 10 orang wanita termasuk mereka di bawah umur (Lee, 2020), serta kes Syed Iqmal, pendakwah selebriti yang didakwa merogol dan mencabul beberapa orang gadis. Kedua-dua individu terbabit bersembunyi di sebalik platform dan nama yang dibina. Perbuatan jijik mereka mungkin selamanya tidak akan diketahui ramai jika tiada yang berani bercakap mengenainya. Menurut Dr Amer Siddiq di dalam temubualnya bersama akhbar *theStar*, mangsa menjadi lebih berani apabila ada mangsa lain mula bercakap mengenai pengalaman mereka. Mungkin akan ada yang bertanya, mengapa tidak membuat laporan polis? Selalunya, mangsa berasa malu, takut akan kesan perbuatan mereka serta berputus asa (Engel, 2017). Walaubagaimanapun, kebanyakan mangsa membuat laporan polis setelah kes mereka mendapat perhatian kerana percaya mereka akan lebih mudah mendapat keadilan. Hal ini demikian, lebih banyak bukti daripada pelbagai mangsa dapat dikumpul untuk diserahkan kepada pihak polis.

Selain itu, melalui tabiat bergosip, masyarakat juga dapat membantu untuk melepaskan tekanan. Hal ini demikian, individu bergosip kerana tidak puas hati terhadap individu lain. Apabila perkara tersebut disimpan seorang diri, kehidupan harian individu akan terganggu kerana perkara tersebut mengganggu fikiran mereka. Maka, mereka akan mula bercerita kepada orang lain mengenainya. Gosip bukan sekadar cerita yang tidak berdasar, akan tetapi, gosip juga ialah naratif menarik yang mempunyai permulaan, pertengahan dan pengakhiran (Ben-Ze'Ev, 1994), justeru itu, amat mudah untuk menerima perhatian orang lain apabila bergosip. Perhatian dan empati yang diterima menyebabkan tekanan yang dialami individu berkurang. Hal ini sejajar dengan kajian daripada Universiti Stanford dimana apabila melihat perbuatan yang tidak disenangi, kadar degupan jantung akan meningkat manakala apabila mereka bercerita kepada orang lain mengenainya, kadar degupan jantung akan menurun. Oleh itu, ternyata bahawa budaya bergosip ini mampu mendatangkan kebaikan kepada kita dengan cara melepaskan tekanan, justeru

membuatkan kita merasa lebih senang hati dan tidak tertekan.

Seterusnya, bergosip juga mampu merapatkan hubungan. Hal ini demikian, suatu hubungan antara individu lebih mudah dibina apabila mereka mempunyai minat yang sama (Sanchiz et al., 2016). Apabila bercerita mengenai perkara yang diminati sama ada perkara tersebut ialah seseorang individu mahupun kejadian yang terjadi, ia mampu membina kepercayaan di antara mereka yang sedang bercerita dan mendengar. Malahan bergosip juga selalu menjadi jalan pintas untuk mengenali seseorang kerana seseorang individu akan mengambil bahagian di dalam perbualan dan membolehkan orang lain mengenali cara individu tersebut berkomunikasi. Lantas, lebih mudah sesuatu hubungan dapat dibina dan membolehkan seseorang meluaskan jaringan sosialnya. Jaringan sosial yang luas amat penting di dalam kehidupan moden sekarang kerana perkara tersebut membolehkan seseorang berfikir secara luas serta mendapat lebih banyak peluang untuk melakukan sesuatu perkara pada zaman sekarang.

Gossip ini juga memberi banyak impak yang buruk kepada masyarakat. Di antara kesan negatif tersebut adalah perbuatan itu dapat menimbulkan fitnah dalam kalangan masyarakat kerana perbuatan tersebut seringkali adalah merupakan suatu tabiat menceritakan tentang keburukan orang lain. Walaubagaimanapun, perbuatan tersebut mempunyai dua kategori dimana jika seseorang itu menyampaikan perkara yang betul, ia dikenali sebagai mengumpat manakala jika seseorang itu menyampaikan perkara yang palsu, ia dikenali sebagai fitnah. Perbuatan mengumpat ini tidak hanya dilakukan oleh golongan perempuan, malah terdapat juga lelaki yang suka mengumpat. Hal ini berpunca daripada sikap manusia yang berasa diri mereka lebih bagus dari orang yang diumpat bak kata pepatah mengata dulang paku serpih, mengata orang awak yang lebih. Dalam pada itu, perbuatan mengumpat akan mendedahkan banyak keaiban manusia disebabkan perkhabaran yang buruk itu disebarkan menyebabkan ramai yang tahu. Lebih-lebih lagi, cerita yang asas sering kali ditokok tambah untuk membuatkan cerita lebih sedap didengar ibarat masakan yang perlu ditambah perasa untuk lebih lazat.

Selain itu, gossip atau “membawang” boleh menghalang produktiviti dan kerjasama di tempat kerja. Berbual-bual bersama rakan sekerja di pejabat adalah sesuatu yang tidak dapat kita elakkan. Tambahan pula, berbual juga merupakan salah satu cara untuk kita melepaskan tekanan

kerja buat sementara. Akan tetapi, bergosip boleh membawa kepada ketidakselesaian dan memberi kesan buruk terhadap kerjasama antara rakan sekerja. Sebagai contoh, sekiranya pekerja bercakap tentang pekerja lain secara negatif, ia boleh mendatangkan kesan yang serius, seperti pertelingkahan pendapat, mahupun pergaduhan. Hal ini akan meregangkan hubungan antara pekerja-perkerja dan menyebabkan produktiviti sesebuah syarikat itu merosot, Gosip ini juga cenderung menjadi aspek negatif budaya kerja. Oleh itu, kepercayaan antara rakan sekerja akan terjejas, mengakibatkan kerjaya seseorang pekerja dan semangat syarikat itu terjejas dan mundur.

Di samping itu, perbuatan bergosip menyebabkan masyarakat menjadi lalai dalam melakukan sesuatu tugas. Hal ini demikian, kerana mereka gemar melakukan sesuatu perkara yang tidak bermanfaat seperti menghabiskan masa dengan mengata buruk tentang orang lain. Lebih-lebih lagi, kehadiran teknologi kini memudahkan komunikasi dalam golongan masyarakat. Hal ini menyebabkan, aktiviti mengumpat menjadi suatu perbuatan yang gemar dilakukan oleh masyarakat tidak kira berjumpa secara berhadapan mahupun melalui teknologi kerana mereka dapat berhubung secara efisien. Maka, tugas yang mereka perlu lalukan akan tertunda kerana mereka melengahkan tugas dengan mengumpat. Secara tidak langsung, perbuatan mengumpat merugikan masa masyarakat kerana masa itu emas. Oleh sebab itu, kita hendaklah menjadi individu yang bijak mengisi masa dengan melakukan aktiviti yang tidak bermanfaat untuk diri sendiri agar tidak mendatangkan kerugian. Bak kata pepatah, marahkan pijat kelambu dibakar iaitu orang yang mengalami kerugian akibat kesilapan kecil.

D. Kesimpulan

Gejala bergosip ini telah memberi banyak kesan buruk kepada bukan sahaja kepada individu, malah juga terhadap pihak pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Masalah ini akan semakin kronik sekiranya terus diabaikan dan dianggap tidak penting, kerana ia mampu menjejaskan hubungan antara masyarakat. Oleh itu, masalah ini haruslah diberikan lebih banyak perhatian. Langkah-langkah mengatasi masalah ini perlulah dilaksanakan dengan secepat mungkin agar dapat membendung perkembangan gejala yang memudaratkan ini.

Langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk mengatasi masalah gosip ini adalah melalui bantuan rakan. Sekiranya mengetahui seseorang sedang menyebarkan khabar angin yang tidak menyenangkan mengenai anda, tindakan pertama yang harus diambil ialah berunding dengan rakan yang dikenali dan dipercayai. Anda patutlah memberitahu rakan anda fakta keadaan tersebut. Sekiranya mereka mendengar khabar angin yang tidak benar dari seseorang, mereka pasti akan menentang penyebarannya dan juga bersemuka dengan orang terbabit. Dengan itu, khabar angin itu dapat diputuskan apabila rakan anda mendengar gosip itu setiap kali.

Langkah seterusnya untuk mengatasi masalah gosip ialah berhadapan dengan sumber khabar angin secara langsung. Jangan abaikan khabar angin itu sekiranya sudah mengetahui siapa yang bertanggungjawab menyebarkan gosip yang tidak menyenangkan mengenai anda. Jika mempunyai peluang, terus berjumpa dengan individu terbabit dan beritahu mereka bahawa anda tidak menyukai perkara yang mereka katakan. Anda haruslah bertenang apabila berada dalam situasi sebegini dan tidak menggunakan sebarang perkataan yang mampu mengecam orang itu. Gosip ini mestilah diperbetulkan kerana ia akan memberi tanggapan bahawa khabar angin itu benar, walaupun sebenarnya tidak.

Kaedah lain yang dapat dilakukan untuk mengatasi tabiat bergosip adalah dengan menjauhkan diri daripada golongan yang gemar bergosip. Sekiranya kita mendekati orang yang gemar bergosip dan menyebarkan ura-ura tidak sahih, secara tidak langsung kita juga akan terlibat dan terpengaruh dengan gejala tersebut. Kita seharusnya mengelakkan diri daripada perkara ini

kerana tabiat ini mampu menyinggung perasaan orang lain, seterusnya menghancurkan hubungan akrab antara satu sama lain. Oleh itu, kita seharusnya bijak memilih rakan supaya kita tidak terjebak dalam gejala yang tidak senonoh ini.

Di samping itu, kaedah lain untuk mengatasi budaya ini adalah dengan mengemukakan dasar komunikasi terbuka. Komunikasi terbuka ialah apabila semua pihak dapat mengungkapkan idea masing-masing, seperti melalui perbualan atau debat. Dalam sesebuah syarikat, salah satu topik yang paling gemar dibualkan ialah spekulasi mengenai masa depan syarikat atau pekerjaanya. Contohnya, daripada membiarkan pekerja membuat anggapan sendiri, Jabatan Bantuan Pekerja Universiti Antarabangsa Florida mencadangkan untuk mewujudkan dasar komunikasi terbuka. Dengan menyediakan kemas kini syarikat yang rasmi dan tetap kepada pekerja, syarikat itu dapat menghentikan gosip dan khabar angin sebelum pekerja mula berkerja di syarikat itu. Oleh itu, pekerja yang tidak menepati dasar komunikasi tersebut akan didenda, lantas dapat mengurangkan penyebaran gejala ini.

Akhir sekali, langkah untuk mengatasi gejala gosip adalah dengan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang gejala gosip. Kerajaan atau pihak yang berkenaan dapat mengadakan kempen-kempen yang berkaitan dengan gejala sosial di syarikat dan juga sekolah. Hal ini kerana kempen-kempen ini akan menekankan kesan-kesan gejala bergosip kepada masyarakat. Masyarakat yang mempunyai kesedaran tentang gejala gosip ini tidak akan melakukan sebarang aktiviti yang mampu menggalakkan gosip. Dengan itu, gejala gosip itu dapat dikurangkan, seterusnya dihentikan.

Kesimpulannya, gejala gosip ini telah mendatangkan banyak kesan baik dan buruk, tetapi tidak dinafikan bahawa kesan buruknya lebih ketara daripada kesan baik. Dengan itu, masalah ini tidak boleh diabaikan. Semua pihak haruslah berusaha untuk membendung budaya ini daripada menular secara berleluasa kerana ia mampu menjejaskan bukan sahaja diri sendiri dan masyarakat, malahan kerajaan dan negara juga. Oleh itu, marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam menghentikan perkembangan gejala gosip ini demi mewujudkan masyarakat yang saling menyayangi, agar dapat menjaga nama baik negara kita.

E. Rujukan

10 Steps. (2020). *Cara menghadapi gosip*.

Abdul Ghani, S. F. (2016, 12 Dis). Rakan sekerja suka bergosip: Persekitaran kerja yang boleh jejas prestasi kakitangan. *Harian Metro*. Dicapai pada 18 Disember 2020, daripada <https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20161212/282896615255955>

Abdullah, A. (2017, September 8). *6 Perkara Mendorong Seseorang Mengumpat*. Muslim Volunteer Malaysia. <https://mvm.org.my/6-perkara-yang-mendorong-seseorang-itumengumpat/12276>

Annabelle Lee (2020, 24 Jul). Young women name, shame abusers online in #metoo resurgence. *malaysiakini*.

Barbuto, J. E., & Wheeler, D. W. (2006). *Scale development and construct clarification of servant leadership*. *Group & Organization Management*, 31(3), 300-326.

Ben-Ze'ev, A., & Goodman, R. F. (Eds.). (1994). *Good gossip* (p. 16). University Press of Kansas.

Brondino, N., Fusar-Poli, L., & Politi, P. (2017). Something to talk about: gossip increases oxytocin levels in a near real-life situation. *Psychoneuroendocrinology*, 77, 218-224. <https://doi.org/10.1016/j.psyneuen.2016.12.014>

Diyana Pfordten (2020, 14 Sep). *INTERACTIVE: Malaysian women speak up against sexual predators*. theStar. Petaling Jaya.

E. (2016, June 27). *Do You Gossip? Here's What it Reveals About Your Self-Confidence*.

TheWarmUp. <https://classpass.com/blog/2016/06/27/gossip-heres-reveals-self-confidence/>

Engel, B. (2017). *Why Don't Victims of Sexual Harassment Come Forward Sooner?* Dicapai pada

- 9 Desember 2020, daripada <https://www.psychologytoday.com/us/blog/the-compassion-chronicles/201711/why-dont-victims-sexual-harassment-come-forward-sooner>
- Engelmann, J. M., Herrmann, E., & Tomasello, M. (2016). Preschoolers affect others' reputations through prosocial gossip. *British Journal of Developmental Psychology*, 34(3), 447-460. <https://doi.org/10.1111/bjdp.12143>
- Enquist, M., & Leimar, O. (1993). The evolution of cooperation in mobile organisms. *Animal Behaviour*, 45(4), 747-757. <https://doi.org/10.1006/anbe.1993.1089>
- Gluckman, M. (1963). Papers in honor of Melville J. Herskovits: Gossip and scandal. *Current anthropology*, 4(3), 307-316. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-102801-5.50016-9>
<https://ms.10steps.org/Lidar-com-Fofocas-1369>
<https://ms.spazziodecor.com/methods-for-dealing-with-workplace-gossip-28961>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. *Definisi gosip*. Dicapai pada 10 Desember 2020, daripada <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=gosip>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. Definisi iri hati. Dicapai pada 14 Desember 2020, daripada <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=iri+hati&d=176312&>
- Nabilla Tashandra. (2019, 24 Mei). Penjelasan Psikologis, Mengapa Orang Doyan Bergosip. Dicapai pada 8 Desember 2020, daripada <https://lifestyle.kompas.com/read/2019/05/24/122801320/penjelasan-psikologis-mengapa-orang-doyan-bergosip?page=all>
- Natalie Parks. (2020, Februari). *Kaedah Untuk Menangani Gosip Tempat Kerja*.
- Oca Restavia. (2020, 24 Jun). Rasa ingin tahu, apa bisa diciptakan? Dicapai pada 8 Desember 2020, daripada <https://osc.medcom.id/community/rasa-ingin-tahu-apa-bisa-diciptakan-1091>
- Parker, C. B. (2014). *Stanford research: Hidden benefits of gossip, ostracism*. Dicapai pada 9

Disember 2020, daripada <https://news.stanford.edu/news/2014/january/upside-of-gossip-012714>

Sanchiz, Emanuel, Ibarra, Fransisco, Nikitina, Svetlana, Baez, Marcos, & Casati, Fabio. (2016).

What Makes People Bond?: A Study on Social Interactions and Common Life Points on Facebook.

Today's Q&A Why Do People Gossip So Much? (2017, November 6). Your Superior Mind.

<https://medium.com/@yoursuperiormin/why-do-people-gossip-so-much-8cc81b37d194>

Wright, R. (2010). *The moral animal: Why we are, the way we are: The new science of evolutionary psychology*. Vintage.

F. Refleksi Kendiri

F.1 Gui Yu Xuan

Gejala bergosip bukan sesuatu yang baharu dalam masyarakat kita. Sejak kecil lagi, kita telah mempunyai keinginan untuk bergosip tanpa diajar oleh orang lain. Tidak boleh dinafikan bahawa saya juga pernah bergosip dengan kawan-kawan tentang orang lain. Sebelum membuat kajian ini, saya merasa bergosip merupakan perbuatan yang tidak baik, akan tetapi bergosip juga dapat membawa kesan yang baik kepada kita. Walaubagaimanapun, kita perlulah menyampaikan sesuatu yang bernilai semasa bergosip. Sekiranya perkara yang disampaikan tidak mempunyai nilai, maka kegiatan bergosip akan memberi impak yang negatif. Kesimpulannya, semua insan manusia perlu melengkapkan diri dengan ilmu etika dan peradaban supaya kita dapat memanfaatkan ilmu tersebut dalam melakukan perkara yang betul.

F.2 Lue Guo Ming

Pada pandangan saya, walaupun budaya bergosip membawa kesan positif dari sesuatu perspektif, tetapi secara keseluruhan budaya bergosip membawa kesan negatif yang besar kepada orang lain dan masyarakat. Kita tidak harus mengizinkan gejala bergosip yang membawa informasi palsu supaya maruah dan imej sendiri dengan bangsa kita dapat dijamin. Selain itu, kita perlu bersikap rasional terhadap perkataan orang lain supaya kita tidak dipengaruhi dan tidak menuruti apa-apa yang disampaikan oleh mereka secara membuta tuli. Melalui kajian ini, saya lebih memahami budaya bergosip bahawa budaya bergosip ini akan menuju ke arah yang positif sekiranya kita mempunyai kebijaksanaan untuk berkomunikasi dan tidak menyampaikan informasi yang palsu. Secara keseluruhan, budaya bergosip dapat memaparkan nilai murni yang sedia ada dalam hati seseorang, seseorang yang amanah akan menjaga maruah diri dan keamanan masyarakat dengan tidak menimbulkan konflik dalam sesi komunikasi.

F.3 Marnisha binti Mustafa Kamal

Mencari hiburan dalam setiap suatu perkara yang dilakukan menjadi sesuatu yang tidak asing bagi manusia. Tidak dinafikan, saya sendiri merasa terhibur dan teruja apabila bergosip bersama rakan-rakan. Tabiat ini mempunyai pelbagai kesan yang baik, seperti dapat memperoleh ilmu dan sebagainya, akan tetapi melalui bergosip, kesan negatif lebih ketara. Pada pendapat saya, untuk mendapatkan ilmu dan memahami pengalaman orang, pelbagai kaedah lain boleh dilaksanakan seperti dengan melakukan sesi soal jawab, dan sebagainya. Secara amnya, kita dapat lihat dari perbincangan ini bahawa tabiat bergosip ini mendatangkan banyak kesan negatif, bukan sahaja kepada masyarakat, malah pada diri sendiri juga. Oleh itu, kita seharusnya mengurangkan, justeru menghentikan perkembangan gejala bergosip ini demi mewujudkan suasana yang aman dan harmoni dalam masyarakat.

F.4 Woon Zi Jian

Pada pendapat saya, walaupun gejala gosip telah memberikan kesan positif kepada kita, namun gejala gosip ini memberikan kesan buruk yang lebih dan serius berbanding dengan kesan positif. Oleh itu, saya berasa gejala gosip ini haruslah dikurangkan supaya dapat menghalang sesuatu kemalangan daripada berlaku. Kita patutlah berfikir dengan rasional apabila mendengar sesuatu khabar angin dan tidak menyebarkan khabar angin yang belum dibenarkan. Dengan itu, kita semua haruslah menjadikan teladan yang baik kepada orang lain dengan tidak membuat sebarang aktiviti tentang gejala gosip. Kita haruslah menyayangi antara satu sama lain supaya rakyat kita dapat lebih perpaduan. Saya berharap masalah ini dapat difokuskan oleh masyarakat dan pihak berkenaan dan ditangani dengan langkah-langkah yang efektif. Semoga gejala gosip ini tidak menyebabkan kemalangan berlaku lagi.

F5. Huda Najihah binti Ahmad Asri

Budaya gosip ini tidak asing lagi di dalam kalangan masyarakat. Dari pakcik-pakcik di kedai kopi tidak kira bangsa, kepada pelajar-pelajar di kelas. Aktiviti ini sudah seperti menjadi darah daging kita sendiri, tetapi saya berusaha untuk mengingatkan diri saya bahawasanya apabila bergosip, mungkin saya akan lega tetapi bagi individu yang digosip, mereka akan terasa hati. Walaupun bergosip mempunyai kesan yang positif jika kita melihat daripada perspektif yang berbeza, tapi kita perlu lihat daripada sudut yang lain juga kerana ia akan membawa kemudaratan kepada kehidupan kita. Justeru itu, saya percaya bahawa kita perlu berusaha untuk tidak bergosip agar dapat memupuk kasih sayang dan kepercayaan antara kita, serta dapat membina hubungan yang sihat dengan orang sekeliling apabila kita menegur terus kepada individu terbabit dan bukannya bercakap di belakangnya.

F6. Muhammad Azizan Adli Bin Mohd Azizi

Pada pendapat saya, budaya gosip ini perlulah dikawal akan kerana ia banyak memberikan impak yang buruk kepada masyarakat. Budaya ini dapat menyebabkan sesebuah hubungan itu terputus atau regang dan ia juga boleh menyebabkan pergaduhan. Hal ini kerana, gosip merupakan cakap belakang tentang seseorang dan kebanyakannya adalah perkara yang buruk yang mengejek atau menghina seseorang individu tentang personaliti mereka, kehidupan mereka, atau perbuatan mereka. Oleh itu, perpaduan sesebuah masyarakat itu sukar untuk dibina akan kerana rasa iri hati yang ada wujud dalam masyarakat itu disebabkan budaya membawang atau bergosip ini. Kesimpulannya, budaya bergosip ini perlulah kita menghalang daripada menjadi norma kepada masyarakat kita dan kita juga haruslah berwaspada pada percakapan kita semasa bersembang dengan rakan agar tidak menyinggung perasaan orang lain. Tambahan pula, dapat juga kita tangani isu bergosip ini dengan berbincang dan menegur dengan cara yang betul dan mengelak daripada “cakap belakang” kerana perlulah kita memupuk semangat perpaduan dan kasih sayang dalam diri agar hubungan dengan masyarakat terjalin dan kukuh.

G. Lampiran

← Thread



deabi
@hygrandea

...

Hi Abeden, its time for me to reveal you for who you truly are. Ive been quiet bcs I was compiling all your past victims' stories in a document(for police report), including mine. Right now, Im doing this bcs I need to be the voice for these people's vulnerability you toyed with.

7:01 PM · Nov 25, 2020 · Twitter for iPhone

6.7K Retweets 2.4K Quote Tweets 13.6K Likes



deabi @hygrandea · Nov 25

...

Replying to @hygrandea

I don't condone cancel culture but the way you twisted my side in your so-called "explanation" and half-assed "apology" was too much. And it happened not once, not twice, but thrice. Don't worry, I have all the screenshots of it in the document.

So um, let's get to it shall we?



1



47



549



← Thread



jo
@nslje

...

in 2018 i was sexually assaulted by Haikal Idris. he told me afterwards that he had fucked up that night but 'remember those other times when i took care of you'. i didn't realise it was manipulative.



zoe y @zoeypky · Jun 5

Time's up if you ever thought you could sexually harass or assault someone without ever having the truth see the light of day. [twitter.com/amandactyan/st...](https://twitter.com/amandactyan/status/1268144444444444444)

10:12 AM · Jun 6, 2020 · Twitter for iPhone

4.9K Retweets 434 Quote Tweets 5.3K Likes



jo @nslje · Jun 6

...

Replying to @nslje

for some backstory: we were dating for a few months in 2018. i didn't consider him my boyfriend but he was the only person i was dating at the time. we had cut things off and this was once of the major reasons i didn't get back together with him.



1



64



299

